


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/06/1116791/kerajaan-sedia-rm500-juta-laksana-projek-kecil-awam>

Kerajaan sedia RM500 juta laksana projek kecil awam



Rafizi Ramli -NSTP/Hazreen Mohamad

PUTRAJAYA: Kementerian Ekonomi memperuntukan RM500 juta menerusi Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) bagi projek kecil yang boleh dimohon oleh orang ramai.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata inisiatif dalam usaha pendemokrasian dana kerajaan itu membolehkan rakyat mengemukakan permohonan projek infrastruktur kecil awam terus kepada kementerian.

Beliau berkata, menerusi IKR, orang ramai boleh memohon peruntukan projek kecil seperti pembaikan jalan raya, laluan pejalan kaki, penyelenggaraan lif, baik pulih surau dan sekolah, dengan perolehan akan melalui proses sedia ada melalui badan pelaksana seperti pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, Kementerian Ekonomi menjangkakan peruntukan berkenaan dapat memanfaatkan sekurang-kurangnya 2,500 hingga 5,000 projek kecil di seluruh negara.

"Sebagai permulaan, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan bagi projek kecil yang boleh dimohon oleh orang ramai.

"IKR diperkenalkan oleh Kementerian Ekonomi bagi membolehkan rakyat memaklumkan secara terus mengenai keperluan projek infrastruktur kecil awam di kawasan setempat masing-masing, seterusnya memohon keperluan ini untuk pertimbangan peruntukan kepada Kementerian Ekonomi," katanya ketika sidang media pelancaran IKR di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, inisiatif itu adalah bantuan Kerajaan Persekutuan dan bertujuan untuk mendemokrasikan dana kerajaan dalam membiayai pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri serta Kerajaan Tempatan (PBT).

"Pelaksanaan IKR juga bertujuan untuk membantu kontraktor kecil seluruh Malaysia yang akan mendapat manfaat daripada projek kecil ini serta mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam di seluruh negara bagi manfaat rakyat," katanya.

Kriteria permohonan projek kecil adalah membabitkan projek infrastruktur kecil yang memberi manfaat segera kepada rakyat setempat/masyarakat umum.

Selain itu, kos projek yang dipohon tidak melebihi RM200,000 dan ia dapat dilaksanakan dalam tahun semasa, bersifat 'best value for money', tiada elemen bermewah-mewah dan amat diperlukan untuk kepentingan/kegunaan umum.

Kriteria permohonan IKR juga membabitkan projek bukan untuk tujuan keperluan/aset individu dan tidak terletak di atas tanah milik persendirian serta tidak membabitkan pengambilan tanah; dan projek terbabit tidak bertindih dengan projek yang telah memperoleh kelulusan peruntukan daripada agensi kerajaan lain (Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri).

"Orang ramai kini boleh memohon bantuan projek infrastruktur awam kecil melalui laman web IKR di alamat ikr.ekonomi.gov.my bermula hari ini," tambah Rafizi.